

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1998) (BIL. 3), 1999

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, dua ratus enam puluh lima juta, sembilan ratus tujuh puluh sembilan ribu dan dua ratus tiga puluh ringgit (\$3,265,979,230.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1998), 1997;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu juta, dua ratus sepuluh ribu ringgit (\$1,210,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 1), 1998;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lapan juta ringgit (\$8,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 2), 1998;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh satu juta, tujuh puluh sembilan ribu, satu ratus sembilan puluh tiga ringgit dan lapan puluh lima sen (\$31,079,193.85);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh cerai-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut:-

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 3), 1999. Gelaran.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh satu juta, tujuh puluh sembilan ribu, satu ratus sembilan puluh tiga ringgit dan lapan puluh lima sen (\$31,079,193.85) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 1998 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1998), 1997, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 1), 1998 dan Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 2), 1998 adalah dengan ini dibenarkan. Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1998.

- (2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Memperuntukkan.

- (3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah cerai (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959, adalah dengan ini dibenarkan. Penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.

JADUAL

(1)	(2)	(3)	(4)
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	JABATAN PERDANA MENTERI		
S.A1	Jabatan Perdana Menteri	200,000.00	200,000.00
S.A12	Polis Diraja Brunei	1,391,217.70	1,391,217.70
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI		
S.C1	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri	618,660.00	618,660.00

JADUAL (Sambungan)

(1) Tajuk	(2) Gelaran	(3) Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk \$	(4) Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan \$
KEMENTERIAN KEWANGAN			
S.D1	Kementerian Kewangan	9,955,040.00	9,955,040.00
S.D4	Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	233,510.00	233,510.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			
S.E4	Lembaga Bandaran Tutong	192,000.00	192,000.00
S.E6	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	340,000.00	340,000.00
S.E10	Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	450,000.00	450,000.00
S.E11	Penjara	160,000.00	160,000.00
S.E12	Perkhidmatan Bomba	726,020.00	726,020.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN			
S.F1	Kementerian Pendidikan	72,000.00	72,000.00
UNDANG-UNDANG			
S.G2	Kehakiman	41,500.00	41,500.00
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN			
S.L3	Belia dan Sukan	300,000.00	300,000.00

JADUAL (Sambungan)

(1)	(2)	(3)	(4)
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk \$	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan \$
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
S.M2	Kementerian Kesihatan	8,944,243.00	8,944,243.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
S.N7	Telekom	7,455,003.15	7,455,003.15
		<u>\$31,079,193.85</u>	<u>\$31,079,193.85</u>

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Muharam, 1420 Hijrah bersamaan dengan 22 haribulan April, 1999, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM